



"JANGAN HINA ISLAM".1

2	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَلَيْنَ سَأَلْتَهُمْ لَيَقُولَنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخُوضُ وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِاللَّهِ وَعَايَاتِهِ ۖ وَرَسُولِهِ ۖ كُنْتُمْ تَسْتَهْزِءُونَ ﴿٦٥﴾ ¹
3	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ ۖ وَصَحْبِهِ ۖ أَجْمَعِينَ
4	. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: الَّذِينَ اتَّقَوْا لِيُخْرِجَهُمْ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِي ۖ وَتَتَّبِعُوا حُدُودِي ۖ فَهُمْ يُخْرَجُونَ
5	Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian, Saya menyeru diri saya sendiri dan juga hadirin Jumaat sekalian agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala yang ditegah-Nya.
6	Pada hari yang mulia ini, mimbar Jumaat akan membicarakan khutbah yang bertajuk " Jangan hina Islam ".
7	Musuh-musuh Islam sering menjadikan Agama yang suci ini sebagai sasaran dalam pelbagai bentuk. Sindiran dan persepsi yang jauh terpesong daripada kebenaran adalah antara bentuk-bentuk penghinaan yang sering berlaku. Fenomena ini disokong oleh perbuatan biadap umat Islam itu sendiri yang bersikap acuh tidak acuh terhadap ilmu agama, malah membiarkan diri dalam kejahilan dan ketirisan akhlak. Ada yang sanggup melakukan senda gurau terhadap hukum-hukum Islam, mengolok-olokkan syariat dan peraturan, mempermain-mainkan hukum untuk menghina syariat beragama.

¹ al-Taubah : 65



<p>Allah berfirman dalam Surah al-Taubah ayat 65 seperti yang dinyatakan di permulaan khutbah tadi membawa maksud; "Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main. Katakanlah: Patutkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta RasulNya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?".</p>	8
<p>Hari ini, ada manusia yang suka mempermainkan kalimah Allah malah mengeluarkan kenyataan dan pandangan yang bercanggah dengan akhlak dan aqidah Islam. Tidak sedarkah mereka dengan kebiadapan sebegini mengundang kemurkaan Allah? Alpakah mereka bahawa tindakan itu amat bertentangan dengan sunnah Rasulullah SAW?</p>	9
<p>Dalam hal ini Allah SWT menegaskan melalui firmanNYA dalam surah al-An'am ayat 70:</p> <p>أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾</p>	10
<p>"Mereka itulah orang-orang yang dijerumuskan (ke dalam azab Neraka) dengan sebab apa yang telah mereka usahakan. Bagi mereka disediakan minuman dari air panas yang menggelegak dan azab seksa yang tidak terperi sakitnya, disebabkan mereka kufur ingkar (semasa hidupnya)."</p>	11
<p>Syeikh Dr. Abdul Karim Zaydan menyatakan bahawa semua perkataan dan perbuatan yang terkandung di dalamnya sebarang penghinaan terhadap Allah, para Rasul, ayat-ayat Al-Quran dan peraturan agama Islam adalah membawa kepada murtad.</p>	12



<p>Syeikh Dr. Wahbah Al-Zuhayli pula menegaskan bahawa seorang Muslim yang mencerca atau menghina Allah SWT, Nabi Muhammad SAW, mana-mana Malaikat atau para nabi yang telah diutuskan dianggap telah kufur.</p>	13
<p>Keimanan terpelihara dan terbukti dengan cara meletakkan keutamaan ketaatan kepada Allah dan RasulNYA. Ini termasuklah mempertahankan ajaran Islam, menghindari sebarang bentuk penghinaan terhadap Islam dan sentiasa memelihara diri daripada sebarang perlakuan yang bertentangan dengan Agama.</p>	14
<p>Benarlah sabda Nabi SAW sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radhiallahu'anhu:</p> <p>ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ: أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولَهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا، وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ، وَأَنْ يَكْرَهُ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ</p>	15
<p>"Tiga perkara di mana sesiapa mempunyainya, maka dia akan merasai kemanisan iman: seseorang yang menjadikan Allah dan RasulNya sebagai yang paling dicintainya, tidak mencintai seseorang melainkan keranaNya dan membenci untuk kembali kekufuran sepertimana dia tidak suka untuk dicampakkan ke dalam neraka."</p> <p>(Riwayat Bukhari dan Muslim)</p>	16



<p>Muslimin, tetamu Allah yang dirahmati sekalian,</p> <p>Bagaimana yang dikatakan sebagai menghina agama? Ia boleh berlaku dengan banyak cara. Antaranya ialah seperti;</p> <ol style="list-style-type: none">1. Perbuatan atau perkataan yang mencerca Allah SWT, menghina Nabi Muhammad SAW dan mempersendakan Al-Quran.2. Mempersenda dan meremehkan sebarang hukum Agama yang dinyatakan oleh Al-Quran dan al-Hadith.3. Menghina sunnah Rasulullah SAW dalam apa jua bentuk. Ini kerana segala apa yang diterima daripada Rasulullah SAW adalah merupakan wahyu Allah SWT kepada Rasulullah SAW yang mengandungi segala aspek ajaran Islam.	17
<ol style="list-style-type: none">4. Enggan melaksanakan hukum Allah yang terkandung dalam Al-Quran dan al-Sunnah.5. Menghina ajaran Islam yang bersifat qat'ie dengan cara perkataan, komen, ulasan atau tulisan, sama ada secara kesemuanya atau salah satu daripadanya.6. Mempermain-mainkan syiar Islam dan tidak menjaga adab terhadap perlakuan sunat dalam Agama seperti memperlekehkan seruan azan.	18



<p>Muslimin Jumaat yang berbahagia,</p> <p>Demi mempertahankan kemuliaan Islam ini, para pemimpin hendaklah sentiasa berperanan dan bersikap tegas berlandaskan nas Syariat serta peruntukan perundangan negara. Sebanyak 25 kali perkataan 'Islam' dinyatakan jelas meliputi pelbagai aspek dalam keseluruhan 183 perkara dalam Perlembagaan Persekutuan. Ditambah pula dengan sekitar 30 kali perkataan 'Agama' dan perkataan 'Syarak' yang turut merujuk kepada Islam selaku Agama Persekutuan yang perlu difahami, dipatuhi dan dipelihara sepanjang masa. Semoga Allah terus mengurniakan kekuatan kepada para pemimpin pelbagai peringkat untuk mempertahankan kesucian agama.</p>	19
<p>Negeri Selangor Darul Ehsan amat mengambil berat berkenaan jenayah menghina dan mempermain-mainkan agama Islam. Ingatlah semua! Menghina agama Islam merupakan suatu kesalahan jenayah syariah di negeri Selangor Darul Ehsan dan semua negeri lain di Malaysia. Peruntukan-peruntukan yang membabitkan kesalahan ini diletakkan dalam bahagian yang berkaitan dengan kesucian agama Islam dan institusinya. Menghina agama dalam apa jua cara adalah kesalahan jenayah menurut Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 pada Bahagian III. Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesucian Agama Islam Dan Institusinya juga boleh dilihat dalam seksyen 9, 10 dan 11.</p>	20
<p>Peruntukan ini termasuklah kesalahan bagi mana-mana orang mempersenda, menghina, mencemuh atau menyebabkan dipandang hina ayat-ayat al-Quran atau al-Hadith yang apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau keduanya.</p>	21



<p>Muslimin yang dikasihi Allah,</p> <p>Mengakhiri khutbah Jumaat pada hari ini, mimbar mengemukakan penegasan pengajaran dan pelan tindakan yang boleh kita tekuni, amati dan amalkan;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Setiap orang Islam berkewajipan untuk menjaga kesucian Agama Islam. 2. Setiap muslim Jangan sekali-kali mempersenda dan mengambil mudah sebarang hukum agama seperti yang dijelaskan dalam al-Quran dan al-Hadith. 3. Kita hendaklah hormati dan taati sumber perundangan keputusan dan ijmak, qiyas dan fatwa mengenai hukum hakam serta hal ehwal kesejahteraan umat Islam yang dikeluarkan Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Mufti dan Muzakarah Fatwa peringkat Kebangsaan. 4. Sentiasalah awasi diri dan ahli keluarga serta masyarakat sekeliling daripada menghina Islam atau mempersenda Allah dan rasulNya kerana termasuk dalam erti kata menyakiti Allah dan RasulNya. 	22
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿٥٧﴾</p>	
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	23
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	24




KHUTBAH KEDUA

1	أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ
5	Marilah kita sama-sama mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat kepada Allah SWT. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita senantiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19.
6	Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mengambil vaksin dengan mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera dan Selangkah serta lain-lain cara yang membolehkan kita mendapat suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Malah kita tidak perlu gusar dan ragu-ragu lagi apabila menerima suntikan tersebut ketika berpuasa di bulan Ramadhan.
7	Ianya telah diperhalusi dan diperbincangkan untuk menetapkan hukum keharusannya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke 118 yang bersidang pada 16 hingga 17 Februari 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah bersidang pada 9 Mac 2021.



Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi Prosedur Operasi Standart (SOP) dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak penyakit Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.	8
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	9
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	10
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	11
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرِ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	12
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،	13
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	14
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج	15



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	16
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	18
<p>اَللّٰهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيْفُ اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ وَبِالْاِجَابَةِ جَدِيْرٌ.</p>	19
	20
<p>عِبَادَ اللهِ، اِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِتَايِ ذِي الْقُرْبٰى وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَاۗءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿٩٠﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوْا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاَشْكُرُوْهُ اِنَّ نِعْمَةَ رَبِّكُمْ هِيَ وَاَنْتُمْ شَاكِرُوْنَ. اَللّٰهُ اَكْبَرُ وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.</p>	22



*Khutbah Jumaat 2 April 2021M / 19 Sya'ban 1442H: "Jangan Hina Islam".
Jabatan Agama Islam Selangor*